

You are here: >> Bernama News

## **KAJIAN SEDIAKAN SYOR BAGI MENAMBAHBAIK KHIDMAT SISTEM PENJAGAAN BARAH DI MALAYSIA**

Date: 02-05-2012

Author: / CS KHY NH

### **KAJIAN-JAGAAN BARAH**

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Kajian mengenai Sistem Laporan Pengurusan dan Prestasi Penjagaan Kesihatan (HPMRS) sedang dijalankan bagi menyediakan satu syor standard kepada kerajaan bagi menambahbaik perkhidmatan sistem penjagaan rawatan kanser di hospital.

Kajian penting ini juga diharap dapat menyediakan maklumat penting yang membenarkan penggubal dasar menilai matlamat menggerakkan perubahan dasar untuk kualiti penjagaan yang lebih baik, kata Penyiasat Prinsipal bagi projek HPMRS Dr Lim Teck Onn.

Kajian ini akan memberi perhatian terhadap onkologi secara umum dan kajian awal mengenai barah payu dara diikuti barah paru-paru dan penyakit kanser berkaitan, katanya kepada pemberita di Kuching, Sarawak.

"Kami berharap kajian itu akan menjawab satu set soalan utama, berkisar daripada tahap penyakit kepada akses rawatan dan selepas diagnosis," katanya.

"Kajian HPMRS juga melihat kepada kadar survival antara satu dan lima tahun, dan ia menterjemahkan kepada berapa lama pesakit-pesakit barah payu dara hidup sebaik mereka didiagnos," kata Dr Lim, yang juga bekas pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) di Hospital Kuala Lumpur.

Dr Lim juga berkata masanya telah tiba bagi syarikat-syarikat penjagaan kesihatan supaya mempertimbang dengan serius bagi memperkenalkan langkah-langkah prestasi dan belajar untuk menuntut lebih daripada sekadar laporan daripada pengurus-pengurus mereka.

Kajian tiga tahun itu dijangka berakhir pada 2013 dan disokong oleh Roche (Malaysia) Sdn. Bhd. Hasil kajian yang dikemaskini itu akan dikemukakan setiap enam bulan, katanya.

Protokol penyelidikan HPRMS itu telah disemak semula dan diluluskan Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Kementerian Kesihatan, yang merintis jalan bagi penyedia khidmat penjagaan kesihatan dan kumpulan klinikal untuk menyertai program yang pertama kali diadakan yang bertujuan bagi menggalakkan penambahbaikan dalam khidmat penjagaan pesakit.

-- BERNAMA

CS KHY NH